

SIARAN MEDIA

PELAJAR REMBAU DALAMI TEKNOLOGI AI DAN CANVA UNTUK PEMBELAJARAN CEMERLANG

Rembau, 10 Mei 2025 – Seramai 40 pelajar dan 10 guru dari tiga buah sekolah menengah di daerah Rembau menyertai Kursus Menguasai Generative AI dan Canva untuk Pembelajaran Cemerlang yang dianjurkan oleh Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Rembau.

Program ini diadakan sempena inisiatif “1 Kampung 1 Pemimpin: Santuni MADANI” dan berlangsung pada 9 dan 10 Mei di SMK Dato’ Undang Haji Adnan, Rembau. Dua lagi sekolah yang terlibat ialah SMK Datuk Abdullah dan SM Agama Haji Mohd Yatim.

Menurut Pengarah IPPTAR, Encik Roslan bin Ariffin, kursus ini bukan sahaja memperkenalkan teknologi terkini seperti Generative AI dan Canva, malah memupuk kemahiran kreatif, inovatif dan strategik dalam kalangan pelajar. “Teknologi ini bukan pilihan, tetapi keperluan. Masa depan memerlukan generasi yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga berintegriti dan berjati diri,” katanya dalam ucapan perasmian.

Tambah beliau, penguasaan AI akan menjadi kelebihan penting dalam pelbagai bidang kerjaya, termasuk sektor teknikal seperti automotif yang dijangka turut mengaplikasikan kecerdasan buatan dalam operasinya pada masa akan datang.

Program ini merupakan kesinambungan kepada inisiatif Santuni MADANI yang dilancarkan IPPTAR pada November lalu, yang berhasrat memperkukuh jalinan antara institusi penyiaran, pendidikan dan komuniti setempat.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan pentingnya keselamatan dalam talian dan memberi peringatan tentang ancaman berita palsu serta jenayah siber. Kementerian Komunikasi kini giat menjalankan Kempen Internet Selamat ke lebih 10,000 sekolah menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), untuk mendidik masyarakat terutamanya golongan muda mengenai keselamatan digital.

Encik Roslan turut menyeru peserta kursus agar menjadi pengguna internet yang bijak dan bertanggungjawab, selain menjadikan kursus ini sebagai pemangkin kepada kejayaan masa depan mereka dalam dunia digital yang semakin mencabar.

Disediakan oleh

Kluster Komunikasi Strategik IPPTAR



<https://www.facebook.com/ipptarkkmm>
https://www.youtube.com/@ipptar_rasmi
<https://www.tiktok.com/@ipptarofficial>